

20 APR 1996

Mahathir-Kredit

KEMUDAHAN KREDIT BAGI BOSNIA UNTUK MEMBELI MINYAK SAWIT

SARAJEVO, 20 April (Bernama) -- Malaysia menawarkan kemudahan kredit sebanyak RM12.5 juta (AS\$5 juta) bagi membolehkan Bosnia-Herzegovina membeli 8,000 tan metrik minyak sawit.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia juga bersedia mengadakan peraturan bayaran dua hala untuk memudahkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara dan juga bagi membantu memulihkan negara Balkan itu yang mengalami kemusnahan kerana konflik etnik.

Beliau berkata, kerajaan Malaysia juga menyeru sektor swasta untuk meneliti cara-cara membantu proses pembinaan semula negara itu termasuk pembinaan projek-projek perumahan.

"Bagi perumahan, kerana kekurangan modal di sini, mereka perlu membawa bersama modal sebelum dapat membantu membina semula rumah-rumah yang rosak ataupun membina rumah-rumah baru," kata beliau di persidangan berita bersama dengan rakan sejawatannya Dr Hassan Muratovic di sini.

Dr Mahathir yang diringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan ahli-ahli perniagaan terkemuka kini berada di peringkat kedua lawatan kerja empat hari ke Croatia, Bosnia-Herzegovina dan Macedonia untuk menggalakkan hubungan perdagangan dan menghulurkan bantuan dalam membina semula bekas negara-negara Republik Yugoslavia itu.

Perdana Menteri berkata, dua pegawai Bosnia akan berada di Malaysia bagi menjalani latihan dengan MATRADE.

Beliau juga berbincang dengan Muratovic mengenai keadaan politik di negara itu khasnya dengan pelaksanaan Perjanjian Keamanan Dayton.

"Kita menyokong kemerdekaan Bosnia-Herzegovina dan hak sempadannya. Kita menyokong keinginannya untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang berbilang etnik, kaum dan agama dengan penglibatan semua pihak tanpa mengira sama ada mereka Islam, Croat atau Serb," kata beliau.

Perjanjian Keamanan Dayton menetapkan yang Bosnia dan Herzegovina akan terus kekal sebagai sebuah negara yang diiktiraf antarabangsa tetapi terbahagi kepada dua entiti iaitu - Persekutuan Bosnia dan Herzegovina, serta Republika Srpska.

Dalam pertemuan itu Dr Mahathir juga menyampaikan sumbangan sebanyak RM3.25 juta yang dikutip oleh penuntut dan guru-guru di Malaysia, kepada Muratovic bagi kerja-kerja pemuliharaan sebuah sekolah di Bosnia-Herzegovina.

Muratovic berkata, kerajaannya telah mengenalpasti bidang-bidang yang boleh disertai oleh para peniaga Malaysia seperti industri berasaskan balak dan perumahan.

Muratovic juga menafikan yang pembinaan semula Bosnia-Herzegovina akan dikuasai oleh firma-firma Amerika Syarikat kerana hubungan mereka dengan Bank Dunia.

"Semua dijemput... kita terbuka kepada semua," kata beliau. -- Bernama

MOK PR